

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan perakaunan yang sesuai.

	Situasi	Jawapan
(i)	Perniagaan diandaikan sentiasa beroperasi dan tidak akan dibubarkan pada masa depan.	
(ii)	Pemilik perniagaan mengambil inventori untuk kegunaan sendiri.	

[2 markah]

- (b) Perniagaan Bukit Keteri menerima invois belian pada 2 Ogos 2022 bernilai RM8 200 selepas ditolak diskaun niaga.

Syarat diskaun tunai : 10% 7 hari, 5% 14 hari

Berapakah jumlah yang perlu dibayar jika pembayaran dibuat pada 8 Ogos 2022?

[2 markah]

- (c) Berikut merupakan petikan Imbangan Duga Perniagaan Munshi.

Imbangan duga pada 31 Disember 2021 (petikan)

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun belum terima	4 500	
Peruntukan hutang ragu		270

Maklumat tambahan:

- (i) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% setahun.

Berapakah jumlah Peruntukan Hutang Ragu yang perlu dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua komponen Kos Prima.

[2 markah]

- (e) Pada 1 Mei 2022, Yuran belum terperoleh berjumlah RM420 dan Yuran belum terima berjumlah RM200.

Rekodkan dalam Akaun Yuran.

[2 markah]

- 2 Imbangan duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Sarjana Enterprise pada 31 Mei 2022.

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal		44 690
Belian dan Jualan	79 894	178 237
Pulangan	1 547	985
Gaji	42 500	
Insurans	5 354	
Sewa		12 600
Kadar Bayaran	1 654	
Promosi	5 442	
Belanja Membaiki Kenderaan	1 493	
Hutang Lapuk	384	
Diskaun		450
Ambilan	6 000	
Tunai	3 592	
Bank		2 462
Akaun Belum Terima	28 500	
Simpanan Tetap	20 200	
Akaun Belum Bayar		20 456
Pinjaman Bank 6% (matang 2025)		24 000
Inventori pada 1 Jun 2021	22 500	
Alatan Pejabat	40 500	
Susut Nilai Berkumpul Alatan Pejabat		3 150
Kenderaan	45 000	
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan		16 280
Peruntukan Hutang Ragu		1 250
	<u>304 560</u>	<u>304 560</u>

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori pada 31 Mei 2022 adalah seperti berikut:

Kad Inventori	Kos RM	Harga pasaran RM
1	550	600
2	1 156	1 056
3	553	663
4	880	531
5	580	955

- (ii) Faedah simpanan tetap 5% belum direkodkan.
- (iii) Promosi prabayar RM2 982.
- (iv) Penerimaan sewa setiap bulan RM1 000.
- (v) Pemilik mengambil komputer bernilai RM5 500 untuk kegunaan anak-anaknya. Perkara ini belum direkod.
- (vi) Pinjaman bernilai RM40 000 telah dibuat pada 1 Jun 2020 dan tarikh matang pada 31 Mei 2025.
- (vii) Susut nilai adalah seperti berikut:
 - (a) Alatan pejabat disusutnilai 10% setahun atas kos.
 - (b) Kenderaan disusutnilai 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (viii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2022. [12 *markah*]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2022. [13 *markah*]

- 3 Johan dan Rara ialah rakan kongsi dalam Perkongsian Johara yang menjalankan perniagaan di Arau, Perlis.

Ikatan perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Faedah atas modal	5% setahun
Faedah atas ambilan	4% setahun
Faedah atas pinjaman pekongsi	8% setahun
Gaji Johan	RM600 sebulan
Gaji Rara	RM400 sebulan
Pembahagian untung rugi antara Johan dan Rara mengikut nisbah 2 : 3	

Imbangan Duga Perkongsian Johara pada 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

Perkongsian Johara

Imbangan Duga pada 30 Jun 2022

	Debit RM	Kredit RM
Modal (1 Julai 2021):		
Johan		80 000
Rara		120 000
Premis (Kos)	90 000	
Kenderaan (Kos)	80 000	
Akaun Semasa (1 Julai 2021):		
Johan	2 500	
Rara		3 200
Ambilan:		
Johan (1 Julai 2021)	12 000	
Rara (1 Januari 2022)	9 000	
Bank		2 700
Tunai	1 000	
Gaji:		
Johan	6 500	
Rara	4 000	
Inventori pada 1 Julai 2022	19 000	
Akaun Belum Terima	30 900	
Akaun Belum Bayar		7 340
Peruntukan Hutang Ragu		420
Pinjaman Johan		8 000
Untung bersih sebelum pelarasan		33 240
	254 900	254 900

Maklumat tambahan

- (i) Sewa prabayar RM1 500.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% daripada Akaun Belum Terima.
- (iii) Faedah atas pinjaman daripada pekongsi masih belum dibayar.
- (iv) Pada 1 Januari 2022, Johan membawa masuk tunai bernilai RM20 000 sebagai modal tambahan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata pelarasan untung bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2022. [4 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. [8 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi. [10 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022 [3 markah]
(Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Puan Ratna adalah pemilik Ratna Enterprise yang memulakan perniagaan menjual kerepek pada 1 Januari 2022. Perniagaan beliau beroperasi di Kangar, Perlis. Beliau membawa masuk RM 20 000 sebagai modal permulaan yang terdiri daripada :

	RM
Tunai di bank	5 000
Tunai di tangan	1 000
Tunai runcit	200
Kelengkapan	13 800

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2022:

- (i) Jumlah belian mengikut bulan adalah seperti berikut:

	RM
Januari	4 000
Februari	5 800
Mac	6 200

70% belian adalah secara tunai dan bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

- (ii) Anggaran jualan pada bulan Januari adalah RM8 500 dan dijangka meningkat 20% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.
- (iii) Pinjaman sebanyak RM15 000 dijangka akan diterima pada bulan Februari berkadar faedah 6% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Ansuran pinjaman akan dibayar balik mulai bulan Mac.
- (iv) Pembelian perabot bernilai RM5 000 dijangka akan dibeli pada bulan Januari dengan pendahuluan sebanyak RM3 000. Bakinya akan dibayar secara ansuran sebanyak dua kali bermula bulan berikutnya.
- (v) Anggaran perbelanjaan bulanan :

	RM
Utiliti	800
Sewa	1 200
Gaji	2 400

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2022. [18 markah]
- (b) Nyatakan dua kepentingan belanjawan tunai. [2 markah]

- 5 (a) Encik Amran pemilik perniagaan Kerepek Crunchy Enterprise di Kangar menyimpan rekod perakaunan tanpa mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Kenderaan (kos)	50 000	50 000
Lengkapan	40 000	?
Bank	15 200	(1 100)
Akaun Belum Bayar	20 740	24 300
Inventori	3 200	6 500
Sewa Belum Bayar	650	540
Akaun Belum Terima	5 670	8 320
Tunai	2 300	1 460
Insurans Prabayar	-	1 220
Komisen Belum Terperoleh	270	780
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan	5 000	?

Maklumat tambahan:

- (i) Encik Amran mengambil wang tunai RM250 setiap bulan dan barang niaga berjumlah RM1 030 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Lengkapan bernilai RM15 000 dibeli pada 1 September 2021 untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi. Lengkapan disusut nilaikan dengan kadar 10% mengikut kaedah garis lurus.
- (iii) Susut nilai kenderaan adalah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas baki Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2021 [3 markah]
- (b) Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2021 [6 markah]
- (c) Penyata Mengira Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [3 markah]

- (b) Syarikat Seri Cemerlang Berhad telah menerbitkan 300 000 unit 7% syer keutamaan RM2.00 sesyer dan 1 500 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Jadual di bawah menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun 2018 hingga 2021.

Tahun	Agihan Keuntungan RM
2018	67 000
2019	40 000
2020	53 000
2021	90 000

Anda dikehendaki melengkapkan jadual di **Lampiran A** untuk menunjukkan agihan dividen antara pemegang syer keutamaan dengan pemegang syer biasa bagi tahun 2018 hingga tahun 2021.

[8 markah]

- 6 Kilang Roti Adam merupakan kilang pengeluar roti di Simpang Empat, Perlis bercadang untuk mengeluarkan roti berasaskan kepada makanan berkhasiat dan bukan hanya sedap.

Anggaran kos pengeluaran untuk 20 000 biji roti adalah seperti berikut:

	RM
Jualan	50 000
Susut nilai mesin	1 500
Sewa kilang	1 500
Tepung	8 000
Telur	6 000
Ragi (bahan penaik)	2 000
Lain-lain Bahan Langsung	4 000
Upah Pekerja Kilang	4 000
Gaji Pengurus Kilang	3 500

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung:

- | | |
|----------------------------|------------|
| (i) Harga jualan sebiji | [2 markah] |
| (ii) Kos tetap | [2 markah] |
| (iii) Kos berubah sebiji | [2 markah] |
| (iv) Margin caruman sebiji | [2 markah] |
| (v) Titik pulangan modal | [2 markah] |

- (b) Berdasarkan jawapan anda di (a), lukis graf titik pulang modal pada kertas graf dengan menggunakan skala yang sesuai.

Anda dikehendaki :

- | | |
|--|------------|
| (i) Melukis dan melabel garis pada graf. | [3 markah] |
| (ii) Menunjukkan titik pulang modal. | [1 markah] |
| (iii) Melorek dan melabel kawasan untung dan rugi. | [2 markah] |

- (c) Hitung keuntungan yang diperoleh sekiranya Kilang Roti Adam mensasarkan pengeluaran sebanyak 35 000 biji sekiranya harga jualan meningkat sebanyak RM0.30. [3 markah]

- (d) Nyatakan fungsi titik pulang modal kepada pengeluar. [1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN A

5 (b)

Pembahagian Dividen		
Tahun	Dividen Syer Keutamaan	Dividen Syer Biasa
2018		
2019		
2020		
2021		